

PM: Atasi segera kerosakan Bangunan Sultan Iskandar

UM - 13/6/2022 m/s: 3

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri mengarahkan kerosakan peralatan dan kemudahan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin, Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini dibbaiki segera.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengadakan tinjauan mengejut ke pintu masuk menghubungkan Johor dan Singapura itu mahu ia diselesaikan agar dapat memberi kesesuaian kepada pengembara yang berulang-alik.

“Saya mendapati kemudahan-kemudahan termasuk pengangkutan awam dalam keadaan baik kecuali kerosakan eskalator dan *autogate* untuk pemegang pasport Malaysia.

“Kekurangan ini perlu diselesaikan segera untuk kemudahan Keluarga Malaysia dan pengembara dari luar kerana ia merupakan salah satu pintu masuk utama negara,” katanya menerusi Facebook rasminya semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri diiringi Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi melawat kompleks berkenaan yang kini sudah kembali pulih selepas sempadan negara dibuka semula sepenuhnya.

Beliau turut mengambil peluang untuk bertemu dengan orang ramai yang berada di kompleks tersebut sama ada mereka yang mahu kembali ke Malaysia atau memasuki Singapura.

Selain BSI, ratusan ribu rakyat Malaysia yang bekerja



ISMAIL Sabri Yaakob dan Onn Hafiz Ghazi melakukan tinjauan mengejut di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin, BSI, Johor Bahru, semalam.

di Singapura juga berulang-alik setiap hari melalui pintu masuk di Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah.

Selepas mengadakan tinjauan tersebut, Ismail Sabri turut diterima mengadap oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Turut berangkat, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Raja Muda Johor, Tunku Iskandar Abdul Jalil Abu Bakar Ibrahim Tunku Ismail.

Pertemuan dengan baginda berlangsung di Istana Bukit Serene dengan beliau turut

diraikan pada majlis santapan tengah hari bersama Sultan Ibrahim.

Pada sebelah malam, Ismail Sabri akan merasmikan Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam Iskandar Johor, di sini.